

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 APRIL 2016 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Hujan di empangan Sepri, Negeri Sembilan hasil pembenihan awan - Madius	Bernamea.com
2	Operasi pembenihan awan diteruskan sehingga akhir 2016	Mingguan Malaysia
3	Ministry waiting for right type of cloud	New Sunday Times
4	Hot, Dry and Hazy	Sunday Star
5	Haze our own doing	Sunday Star
6	PRN Sarawak: Proses penamaan calon bermula esok	Bernamea.com
7	Sharizatul tetap cemerlang walaupun berkerusi roda	Mingguan Malaysia
8	Pesakit saraf, otot raih CGPA 3.96 ijazah sarjana	Berita Harian



Hujan Di Empangan Sepri, Negeri Sembilan Hasil Pembenihan Awan - Madius

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Operasi pembenihan awan yang dijalankan di Melaka dan Negeri Sembilan hari ini berjaya menghasilkan hujan di kawasan Empangan Sepri, Negeri Sembilan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata pihaknya sedang memantau perkembangan awan di Empangan Gemencheh, Negeri Sembilan dan Empangan Durian Tunggal, Melaka selepas operasi berkenaan.

Dalam pada itu, beliau berkata Stesen Meteorologi Kuala Krai dan Mersing masing-masing merekodkan bacaan tertinggi 36.5 darjah celcius setakat 4 petang tadi diikuti Chuping (36.4 darjah celcius) dan Muadzam Shah (36.1 darjah celcius).

"Empat kawasan yang masih mencatatkan bilangan hari tanpa hujan melebihi 10 hari berturut-turut ialah Kota Bharu, Machang, Klang dan Kudat," katanya dalam kenyataan di sini, malam ini.

Selain itu, Madius berkata bilangan titik panas yang dicerap di Semenanjung Malaysia menurun kepada empat berbanding 18 semalam berikutan hujan di beberapa tempat.

Hanya satu titik panas dikesan di Kuala Penyu, Bahagian Pedalaman, Sabah dan tiada titik panas dikesan di Sarawak.

-- BERNAMA



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (tengah) bersama pelajar-pelajar dalam operasi pembenihan awan bersama 2016 KPTM di Kota Bharu, Kelantan, semalam. MINGGUAN/WAHIDIN SALIM

Operasi pembenihan awan diteruskan sehingga akhir 2016

KOTA BHARU 23 April - Operasi pembenihan awan akan diadakan secara berterusan sehingga hujung tahun ini bagi menangani masalah paras air yang berada pada tahap cukup kritikal di empangan beberapa negeri ekoran fenomena El Nino ketika ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, operasi pembenihan awan merupakan satu-satunya langkah terbaik bagi menghasilkan hujan, sekaligus membantu mengatasi masalah bekalan air yang semakin meruncing.

Beliau berkata, fenomena cuaca panas dan kering di negara ini dijangka berterusan sehingga September depan.

"Kita yakin operasi pembenihan awan akan menghasilkan hujan, namun proses ini perlu bergantung dengan adanya awan Kumulus Me-

nara. Hanya awan ini mempunyai kandungan air yang banyak serta peratusan hujan lebih tinggi.

"Kalau kita lakukan operasi ke atas awan ini (Kumulus Menara), saya yakin 95 peratus hujan pada bila-bila masa," katanya selepas merasmikan Karnival Keusahawanan dan Inovasi Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) Kota Bharu di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah KPTM Kota Bharu, Mohd. Asri Mohamad.

Mengulas lanjut Abu Bakar berkata, sejak fenomena El Nino bermula akhir tahun lepas dan memuncak sehingga hari ini, pihaknya telah melakukan proses pembenihan awan secara berulang kali.

"Kita telah banyak melakukan operasi pembenihan awan. Tidak jadi masalah kerana kita mempunyai peruntukan yang cukup untuk tujuan tersebut. Apa yang penting,

kita dapat membantu meredakan suhu panas dan menyelesaikan masalah bekalan air memandangkan paras air di beberapa empangan telah pun rendah ketika ini," katanya.

Sementara itu dalam perkembangan lain beliau berkata, budaya inovasi di Malaysia terus berkembang subur dengan kejayaan demi kejayaan dikecapi oleh para penyelidik tempatan.

Katanya, para penyelidik yang dibiayai oleh pihak Kementerian melalui peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) telah memenangi sebanyak 1,238 anugerah dengan 399 melibatkan pengiktirafan antarabangsa.

"Dalam RMK-10, kita dapat 98 anugerah peringkat antarabangsa dan 198 peringkat kebangsaan. Itu menunjukkan budaya inovasi terus berkembang dengan subuhnya di Malaysia," katanya.

Ministry waiting for right type of cloud

KOTA BARU: The Science, Technology and Innovation Ministry is waiting for the green light from the Meteorological Department to conduct cloud seeding.

Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said the ministry and departments under it were ready to conduct cloud seeding but could do so only when a specific type of cloud was present.

He said the most suitable was the towering cumulus cloud, which as-

sured a 90 per cent success rate in producing rain.

"However, the problem is we can't find these towering cumulus clouds easily because of the extreme heat.

"Most clouds are not suitable in size and composition for cloud seeding," he said after opening the Innovation and Entrepreneurship Carnival 2016 at Kolej Poly-Tech Mara here yesterday.

Abu Bakar said the ministry did

not have financial issues in carrying out cloud seeding.

"The department has been told to monitor the weather nationwide before carrying out cloud seeding to ensure that it works and avoid wastage.


"Each cloud seeding exercise costs between RM30,000 and RM80,000, depending on the aircraft and the area covered.

"Ninety per cent of cloud seeding has been successful," he said.

KERATAN AKHBAR
SUNDAY STAR (NATION) : MUKA SURAT 1
TARIKH : 24 APRIL 2016 (AHAD)

HOT, DRY and HAZY

If the soaring temperatures and dry weather in Malaysia aren't enough, the haze has returned to make it even worse. According to the Meteorological Department the smog is not coming from Indonesia this time but from within our own borders due to open burning and forest fires. > See reports on Page 6



poor condition: A boat cruising on the lake at the Mines Resort as the haze reduces visibility of the Kuala Lumpur skyline in the background — SAM THAM/The Star

Haze our own doing

Current spell originating from within our borders, says Met Dept

KUALA LUMPUR If the heat and dry spell were not enough, little hotspots here and there made up of forest fires and open burning, are now causing poor air quality in Malaysia's central region.

Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said the haze was originating from within our borders, rather than from Indonesia.

According to the Department of Environment, air quality has plunged in the Klang Valley. Port Klang and Cheras reported unhealthy Air Pollutant Index (API) readings.

Air quality in the northern and southern regions, as well as Sabah and Sarawak, reported low moderate to good levels.

Fire and Rescue Department officers said they were working around the clock, putting themselves at great risk to put out the fires, mostly man-made, and hard to get to.

In Selangor, Fire and Rescue Department deputy director-general (Operations) Datuk Saiman Jahid said the biggest contributor to

the air pollution now was a 12ha forest reserve in Tanjung Sepat, Banting, that caught fire due to illegal pineapple farming activities.

"We have had to use helicopters to water bomb these areas. These people are smart now, they go deep into the forest to do their farming. This is not right and it is contributing to the bad air quality," he said.

Besides that, Bomba also reported fires in dump sites around the Klang Valley, suggesting that open burning was being done by citizens.

He urged people to stop open burning, saying that fires in dump sites were a hazard to firemen trying to put them out as the department reported another 23 hotspots -- all in peninsular Malaysia.

Pahang reported the most fires at 15, of which nine were in Pekan.

Johor reported large fires in Mersing, Segamat and Kuang, while Kedah, Kelantan, Negri Sembilan and Terengganu reported one hotspot each.

Fires are also occurring in neighbouring

Riau, which the Meteorological Department said could become a problem for us in May when the south-west monsoon winds bring smog from Indonesia to Malaysia.

In Miri, unscrupulous people have been starting massive fires at night to either clear forest land for agricultural purposes or to get rid of plantation waste although these fires are a threat to the environment and health.

As in the peninsula, firemen here are being hampered by the size of the fires and the fact that they are in hard-to-reach areas.

Sarawak assistant communications minister Datuk Lee Kim Shin, who visited the Tuduh Watchtower, said the Department of Environment would be calling for cloud seeding.

"These fires are in hard-to-reach forests. We need to carry out cloud seeding urgently.

"If we can induce rain to fall, it will help douse the numerous fires that are raging in various parts of Kuala Baram district and southern parts of Miri district near to Marudi and the Niah areas," he said.



PRN Sarawak: Proses Penamaan Calon Bermula Esok



KUCHING, 24 April (Bernama) -- Proses penamaan calon bagi Pilihan Raya Negeri Sarawak ke-11 (PRN-11) di 82 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) bermula 9 pagi esok.

Proses penamaan calon berlangsung selama sejam sehingga 10 pagi di 82 pusat penamaan calon yang terdiri daripada pejabat-pejabat kerajaan, dewan orang ramai, sekolah, maktab perguruan, perpustakaan, rumah rehat kerajaan serta stadium tertutup.

Pilihan raya negeri kali ini turut menyaksikan pertambahan 11 kerusi DUN berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya negeri ini.

Kerusi-kerusi berkenaan adalah Batu Kitang, Stakan, Serembu, Bukit Semuja, Gedong, Kabong, Tellian, Bukit Goram, Murum, Samalaju dan Mulu.

Pilihan raya itu diadakan susulan pembubaran DUN Sarawak pada 11 April.

Jabatan Meteorologi Sarawak meramalkan cuaca mendung dan hujan di beberapa kawasan pantai termasuk di Kuching, Samarahan, Betong, Mukah dan Bintulu.

Menurut jurucakap jabatan itu, suhu dijangka antara 24 dan 35 darjah Celcius.

Pada pilihan raya negeri kali ini, terdapat 1.14 juta pemilih berdaftar termasuk 1.11 juta pengundi biasa, layak mengundi pada 7 Mei ini.

Selain pengundi biasa, sejumlah 25,022 pengundi awal terdiri daripada anggota tentera dan polis serta pasangan akan turut mengundi pada pengundian awal 3 Mei ini manakala 106 pengundi pos kerana berada di luar negara.

Setakat 5 petang semalam, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Seri Mohd Hashim Abdullah berkata sebanyak 971 borang pencalonan telah dijual di seluruh Sarawak.

Beliau berkata daripada jumlah itu, sebanyak 443 borang dijual di pejabat SPR di sini, 178 di Zon Sibiu, 172 (Zon Miri), 124 (Zon Kuching) dan 54 borang di Zon Sri Aman.

Pada pilihan raya negeri 2011, BN memenangi 55 daripada 71 kerusi DUN, dengan DAP menguasai 12 kerusi dan kemudian hilang satu kerusi apabila Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pujut, Fong Pau Teck dipecat daripada parti itu ekoran perbalahan dalam parti.

PKR memenangi tiga kerusi manakala satu lagi kerusi dimenangi oleh calon Bebas.

Di TAPING, Perak pula cuaca panas menyebabkan Pulau Orang Utan di Bukit Merah, Bagan Serai ditutup selama dua minggu kepada pengunjung sejak 11 April lalu hingga sekarang.

Ketua Pegawai Operasi Yayasan Pulau Orang Utan Dr. D. Sabapathy berkata penutupan itu disebabkan pengangkutan bot tidak boleh dijalankan kerana air di Empangan Tasik Bukit Merah terlalu cetek untuk dilalui.

Beliau berkata sebelum ini terdapat tiga bot yang menjalankan perkhidmatan ke pulau itu namun kini, pihaknya menggunakan kayak untuk memberi makanan dan mengawasi orang utan di pulau berkenaan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 24 APRIL 2016 (AHAD)



Sharizatul tetap cemerlang walaupun berkerusi roda

JOHOR BAHRU 23 April - Walaupun terpaksa menggunakan kerusi roda kerana menghidap penyakit saraf dan otot sejak dilahirkan, namun kekurangan itu bukan penghalang bagi Sharizatul Fadlie Sabri, 34, untuk meraih keputusan cemerlang dalam pengajiannya.

Dia yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Sains Kejuruteraan Sistem Komputer dalam mod kerja kursus dan disertasi memperoleh keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.96.

Pemuda yang berasal dari Pasir Mas, Kelantan dan kini bekerja sebagai pegawai penyelidik di Agensi Angkasa Negara (Angkasa) mengakui kekurangan diri tidak menjadi penghalang baginya untuk berjaya dalam pelajaran.

"Saya tidak nafikan sebagai

orang kurang upaya (OKU) banyak cabaran yang dihadapi semasa pengajian, namun itu semua dapat diatasi dengan kerjasama pihak universiti, pensyarah dan rakan-rakan. Saya juga ingin berterima kasih kepada ibu bapa dan dua adik saya yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan sehingga saya berjaya pada hari ini," katanya ditemui selepas menerima ijazah sarjana dalam Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Ke-56, di sini hari ini.

Lebih bermakna, hari bersejarah tersebut turut dikongsi dengan ibu bapanya, Sabri Ariffin, 58, dan Siti Fatimah Yusoff, 57.

Dalam konvokesyen itu, seramai 2,931 graduan menerima ijazah doktor falsafah, ijazah sarjana, ijazah sarjana muda, diploma dan diploma

program kerjasama Sekolah Profesional dan Pendidikan Berterusan UTM (UTMSPACE) dan daripada jumlah itu, 427 adalah graduan antarabangsa dari 33 buah negara.

Sementara itu, seorang suri rumah, **Zaleha Mohd. Kassim**, 52, tidak dapat menahan sebak apabila menerima skrol bagi arwah suaminya, **Mohd. Yunus Yahya**, 52, yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Kejuruteraan dan Pengurusan Perniagaan.

Zaleha berkata, suaminya yang menghidap penyakit darah tinggi meninggal dunia pada 7 Januari lalu akibat sesak nafas di rumah mereka di Kajang Perdana, Selangor.

"Selepas bersara daripada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), arwah menjadi tenaga pengajar di Universiti Kuala Lumpur-Malaysian

Institute of Aviation Technology (UniKL-MIAT) selain menyambung pengajian separuh masa di UTM.

"Arwah sangat cintakan ilmu dan mahu melihat semua enam anak dan enam cucunya melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi di universiti. Saya yakin semangat yang ada pada arwah akan diteruskan oleh anak cucunya kelak," katanya.

SARIZATUL FADLIE SABRI berkongsi kegemilangan bersama ibu bapanya, **Sabri Ariffin** dan **Siti Fatimah Yusoff** selepas Istiadat Konvokesyen **Universiti Teknologi Malaysia Ke-56** di **Dewan Sultan Ismail, UTM Skudai, Johor Bahru, Johor, semalam.** - **MINGGUAN/NUR AISYAH MAZALAN**

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 24 APRIL 2016 (AHAD)

Pesakit saraf, otot raih CGPA 3.96 ijazah sarjana

Johor Bahru: Kekurangan fizikal akibat penyakit saraf dan otot dialami sejak dilahirkan, bukan halangan kepada seorang graduan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini, untuk memperoleh keputusan cemerlang dalam pengajiannya.

Impian itu dicapai Sharizal Fadlie Sabri, 34, yang menuntut dalam bidang Sains Kejuruteraan Sistem Komputer, apabila menamatkan pengajian dengan memperoleh ijazah sarjana dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.96.

Anak kelahiran Pasir Mas, Kelantan itu, berkata beliau gembira dengan kejayaannya dan menganggap ia tidak mungkin dicapai tanpa bimbingan pensyarah dan sokongan ibu bapa serta rakan pengajiannya.

"Saya mengakui sepanjang tempoh pengajian selama ham-

pir dua tahun sejak September 2014 yang dilakukan secara separuh masa menghadapi pelbagai cabaran khususnya dari segi kemudahan di kampus, termasuk ketika menduduki peperiksaan.

Sedia pelbagai kemudahan

"Bagaimanapun, dengan bantuan UTM yang banyak memberi sokongan, termasuk urusan kemudahan memudahkan saya menamatkan pengajian ini tanpa sebarang kelewatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menerima ijazah sarjana daripada Pro Canselor UTM, Tan Sri Dr Yahya Awang, pada Majlis Konvokesyen Ke-56 UTM di Dewan Sultan Iskandar di sini, semalam.

Perasmian majlis itu disempurnakan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah. se-



Sharizal Fadlie menunjukkan ijazah yang diterima kepada ibu, Siti Patimah Yusoff dan bapanya, Sabri Ariffin pada majlis Konvokesyen UTM Ke-56 di Skudai, semalam.

(FOTO: HAIRUL ANUAR ABD RAHIM/BHI)

laku Canselor UTM.

Pada konvokesyen kali ini, seramai 2,931 graduan, termasuk 427 graduan antarabangsa dari 33 negara menerima ijazah doktor falsafah, ijazah sarjana, ijazah sarjana muda dan diploma masing-masing.

Sharizal Fadlie berkata, beliau yang bertugas sebagai Pegawai Penyelidik di Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) di Banting, Selangor sejak tahun 2005 kini berhasrat untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah doktor falsafah (PhD).

"Saya berhasrat untuk menyambung pengajian di peringkat PhD dalam bidang yang sama, selain ingin membuktikan bahawa kekurangan fizikal yang dialami bukan penghalang kepada orang kurang upaya (OKU) untuk terus berjaya dalam hidup mereka," katanya.